



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***KEBERKESANAN PEMBELAJARAN BERASASKAN PROJEK  
TERHADAP PRESTASI MATA PELAJARAN KEMAHIRAN HIDUP  
BERSEPADU, KEMAHIRAN KOMUNIKASI DAN PENGLIBATAN  
MURID TINGKATAN SATU DI SELANGOR***

***YANG GUAT SEE***

**FPP 2015 15**



**KEBERKESANAN PEMBELAJARAN BERASASKAN PROJEK TERHADAP  
PRESTASI MATA PELAJARAN KEMAHIRAN HIDUP BERSEPADU,  
KEMAHIRAN KOMUNIKASI DAN PENGLIBATAN MURID TINGKATAN  
SATU DI SELANGOR**

Oleh

**YANG GUAT SEE**

**Tesis yang dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra  
Malaysia, untuk memenuhi syarat memperolehi Ijazah Master Sains.**

**April 2015**

## **HAK CIPTA**

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam teks ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains.

**KEBERKESANAN PEMBELAJARAN BERASASKAN PROJEK TERHADAP  
PRESTASI MATA PELAJARAN KEMAHIRAN HIDUP BERSEPADU,  
KEMAHIRAN KOMUNIKASI DAN PENGLIBATAN MURID TINGKATAN  
SATU DI SELANGOR**

Oleh

**YANG GUAT SEE**

**April 2015**

Pengerusi : Profesor Madya Abdullah Mat Rashid, PhD  
Fakulti : Pengajian Pendidikan

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji keberkesanan Pembelajaran Berasaskan Projek (PoBL) terhadap prestasi mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB), kemahiran komunikasi dan penglibatan murid tingkatan satu. Kajian kuantitatif ini dilaksanakan di sebuah sekolah menengah harian di daerah Hulu Langat, Selangor. Pengkaji menggunakan reka bentuk kuasi eksperimental ujian pra-pasca dengan 63 orang sampel kajian iaitu murid tingkatan satu yang mengambil mata pelajaran KHB. Seramai 33 orang sampel terlibat dalam kumpulan rawatan manakala 30 orang sampel kajian terlibat dalam kumpulan kawalan.

Kedua-dua kumpulan ini menduduki ujian pra sebelum program intervensi yang bertajuk “Reka Bentuk dan Penghasilan Projek” dijalankan dan menduduki ujian pasca selepas menjalani program intervensi selama lapan minggu. Pengkaji menggunakan satu set instrumen kajian yang sama dalam kajian ini iaitu ujian pra dan ujian pasca untuk mengkaji keberkesanan Pembelajaran Berasaskan Projek terhadap prestasi mata pelajaran, kemahiran komunikasi dan penglibatan murid. Instrumen kajian tersebut meliputi tiga bahagian iaitu bahagian A, bahagian B dan bahagian C. Bahagian A ialah maklumat demografi, bahagian B ialah soal selidik yang merangkumi pembolehubah bersandar kemahiran komunikasi dan penglibatan murid manakala bahagian C ialah soalan ujian.

Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan terhadap prestasi mata pelajaran antara kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan dalam ujian pasca dengan  $t(61)=2.11$ ,  $p=0.04$ . Dapatan kajian turut menunjukkan peningkatan prestasi mata pelajaran kumpulan rawatan lebih tinggi daripada kumpulan kawalan dengan nilai min kumpulan rawatan (62.67) berbanding dengan kumpulan kawalan (54.38).

Selain itu, hasil dapatan kajian juga menunjukkan perbezaan yang signifikan antara kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan terhadap kemahiran komunikasi dalam ujian pasca dengan  $t(61)=2.34$ ,  $p=0.02$ . Dapatkan turut menunjukkan peningkatan kemahiran komunikasi kumpulan rawatan lebih tinggi daripada kumpulan kawalan dengan nilai min kumpulan rawatan (3.84) berbanding dengan kumpulan kawalan (3.64). Sebaliknya, dapatan kajian menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan antara kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan terhadap tahap penglibatan murid tingkatan satu.

Kajian ini menunjukkan pendekatan PoBL mampu meningkatkan prestasi mata pelajaran KHB dan kemahiran komunikasi. Rentetan itu, pendekatan ini boleh digunakan sebagai pelengkap kepada pembelajaran secara tradisional dalam mata pelajaran KHB di sekolah menengah.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Master of Science.

**EFFECT OF PROJECT-BASED LEARNING ON ACADEMIC  
ACHIEVEMENT IN LIVING SKILL SUBJECT, COMMUNICATION SKILL  
AND STUDENT ENGAGEMENT OF FORM ONE STUDENTS IN SELANGOR**

By

**YANG GUAT SEE**

**April 2015**

**Chairman : Associate Professor Abdullah Mat Rashid, PhD**  
**Faculty : Educational Studies**

This research is to investigate the effect of Project-Based Learning (PoBL) on academic achievement for Living Skill Subject, communication skill and student engagement of form one students. Research is done quantitatively in a secondary school in Hulu Langat district, Selangor. This research has been done by using quasi-experimental pre-post test design with 63 form one students who take living skill subject in school. There were 33 samples in experimental group meanwhile 30 samples in control group.

Both group were given pre-test before intervention programme and post test after gone through eight weeks of intervention programme on chapter “Reka Bentuk dan Penghasilan Projek”. Researcher used the same pre-test and post-test instrument to compare the effectiveness of PoBL on academic achievement, communication skill and student engagement in this research. This instrument consist of three sections which are part A, B and C. Part A is related to demographic, part B is related to dependent variables which are communication skill and student engagement and part C is related to academic test.

The results from the study showed that there is a significant different in academic achievement between experimental group and control group with  $t(61)=2.11$ ,  $p=0.04$ . The result also showed that there is a higher increment of academic achievement for experimental group with mean value (62.67) compare to control group (54.38).

Meanwhile, the results from the study also showed that there is a significant different in communication skill between experimental group and control group with  $t(61)=2.34$ ,  $p=0.02$ . The result also showed that there is a higher increment of communication skill for experimental group with mean value (3.84) compare to control group (3.64). On the other hand, the results from the study showed that there is no significant different in student engagement for form one students between experimental group and control group.

This research showed that PoBL method able to improve academic achievement in living skill subject. Therefore, this method can be used as complementary method in living skill subject in secondary school.



## **PENGHARGAAN**

Saya amat terhutang budi atas jasa setiap individu yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memberi saya panduan serta semangat sepanjang masa menjalankan kajian ini. Sekalung penghargaan dan terima kasih juga ditujukan kepada penyelia utama iaitu Prof Madya Dr. Abdullah Mat Rashid dan ahli jawatankuasa penyeliaan iaitu Prof Dr. Ab. Rahim Bakar atas kesudian memberikan pandangan, bimbingan, panduan dan tunjuk ajar berkaitan dengan tesis bagi menyiapkan kajian ini.

Selain itu, saya juga ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, pihak sekolah dan guru-guru yang telah membantu menyokong kajian ini. Akhir sekali dan teristimewa kepada ayah saya Yang Kok Wah, ibu saya Saw Kwai Chee, suami saya Michael Lee Teik Jong serta anak-anak saya, Cassandra Lee Ern Hui dan Samuel Lee Jian Hao atas kesabaran dan sokongan yang diberikan selama ini.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Sarjana. Ahli Jawatan Kuasa Penyeliaan adalah seperti berikut :

**Abdullah Mat Rashid, PhD**

Profesor Madya

Fakulti Pengajian Pendidikan

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

**Ab. Rahim Bakar, PhD**

Profesor

Fakulti Pengajian Pendidikan

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

---

**BUJANG KIM HUAT, PhD**

Profesor dan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

## **Perakuan pelajar siswazah**

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-kaedah Universiti Putra malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik : Yang Guat See ( GS30814)

**Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:**

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan: Abdullah Mat Rashid, PhD

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama Ahli Jawatankuasa Penyeliaan: Ab. Rahim Bakar, PhD

## SENARAI KANDUNGAN

	<b>Muka Surat</b>
<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	v
<b>PENGESAHAN</b>	vi
<b>PERAKUAN</b>	viii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xiv
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xv

### **BAB**


<b>1 PENDAHULUAN</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Penyataan Masalah	5
1.4 Objektif Kajian	6
1.5 Persoalan Kajian	6
1.6 Kepentingan Kajian	8
1.7 Limitasi Kajian	9
1.8 Definisi Operasional	9
1.9 Penutup	11
<b>2 TINJAUAN LITERATUR</b>	
2.1 Pengenalan	12
2.2 Pembelajaran Berasaskan Projek (PoBL)	12
2.2.1 Definisi PoBL	12
2.2.2 Sejarah PoBL	13
2.2.3 Ciri-ciri Pendekatan PoBL	14
2.2.4 Kelebihan Pendekatan PoBL	15
2.2.5 Pelaksanaan Projek PoBL	16
2.2.6 Peranan Guru dalam Pendekatan PoBL	17
2.2.7 Peranan Murid dalam pendekatan PoBL	18
2.3 Teori Kajian	19
2.3.1 Teori Pembelajaran <i>Learning By Doing</i>	19
2.3.2 Teori Pembelajaran Secara Kontekstual	19
2.3.3 Teori Konstruktivisme	20
2.4 Model Kajian	21
2.4.1 Model Komunikasi	22
2.4.2 <i>Model Learning Cycle 7E</i>	24
2.5 Kajian Lepas tentang PoBL	25
2.5.1 PoBL dan Prestasi Mata Pelajaran	25
2.5.2 PoBL dan Kemahiran Komunikasi	26
2.5.3 PoBL dan Penglibatan Murid	27
2.6 Kerangka Konsep Kajian	28
2.7 Penutup	29

<b>3</b>	<b>METODOLOGI</b>	
3.1	Pengenalan	30
3.2	Reka Bentuk Kajian	30
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	31
3.4	Instrumen Kajian	32
3.5	Kesahan dan Kebolehpercayaan	34
3.6	Prosedur Penyelidikan	36
3.7	Analisis data Kajian	38
3.8	Penutup	39
<b>4</b>	<b>DAPATAN KAJIAN</b>	
4.1	Pengenalan	40
4.2	Profil Sampel Kajian	41
4.3	Analisis Data Mengikut Objektif Kajian	49
4.3.1	Objektif kajian 1	49
4.3.2	Objektif kajian 2	51
4.3.3	Objektif kajian 3	54
4.4	Penutup	56
<b>5</b>	<b>RUMUSAN, PERBINCANGAN, IMPLIKASI, KESIMPULAN DAN CADANGAN KAJIAN</b>	
5.1	Pengenalan	57
5.2	Rumusan Kajian	57
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	58
5.3.1	Objektif kajian 1	58
5.3.2	Objektif kajian 2	60
5.3.3	Objektif kajian 3	60
5.4	Implikasi Kajian	61
5.5	Kesimpulan Kajian	62
5.6	Cadangan Kajian	62
5.7	Cadangan Kajian Lanjutan	63
<b>RUJUKAN</b>		65
<b>LAMPIRAN</b>		78
<b>BIODATA PELAJAR</b>		118

## SENARAI JADUAL

<b>Jadual</b>		<b>Muka Surat</b>
2.1	Lingkungan projek.	17
3.1	Reka Bentuk Kuasi Eksperimen-Ujian Pra-Pascabagi Kumpulan Tidak Seimbang	31
3.2	Kandungan Item Kemahiran komunikasi	33
3.3	Kandungan Item Penglibatan Pelajar	33
3.4	Rumusan Kebolehpercayaan Instrumen	36
3.5	Ringkasan Analisis Statistik Kajian	39
4.1	Pecahan Sampel Kajian Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan Mengikut Jantina dan Bangsa	41
4.2	Prestasi Ujian Pra Murid- Murid Kumpulan Rawatan Dan Kumpulan Kawalan	42
4.3	Prestasi Ujian Pasca Murid-Murid Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan	43
4.4	Prestasi Ujian Pra dan Ujian Pasca Murid-Murid Bagi Kumpulan Rawatan	44
4.5	Prestasi Ujian Pra dan Ujian Pasca Murid-Murid Bagi Kumpulan Kawalan	45
4.6	Taburan Markah Ujian Pra Kumpulan Rawatan Dan Kumpulan Kawalan	46
4.7	Taburan Markah Ujian Pasca Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan	47
4.8	Taburan Markah Minimum Dan Maksimum Ujian Pra dan Ujian Pasca Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan	48
4.9	Perbandingan prestasi mata pelajaran kemahiran Hidup Bersepadu Murid Dalam Ujian Pra antara Kumpulan Rawatan Dengan Kumpulan Kawalan	49
4.10	Perbandingan Prestasi Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu Murid Dalam Ujian Pasca antara Kumpulan Rawatan Dengan Kumpulan Kawalan	50
4.11	Perbandingan Prestasi Murid Dalam Ujian Pra Dan Ujian Pasca Kumpulan Rawatan	50
4.12	Perbandingan Prestasi Murid Dalam Ujian Pra Dan Ujian Pasca Kumpulan Kawalan	51
4.13	Perbandingan Min Pra Tahap Kemahiran Komunikasi Murid Kumpulan Rawatan dan kumpulan kawalan	52
4.14	Perbandingan Pasca Tahap Kemahiran Komunikasi Murid Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan	52
4.15	Perbandingan Min Pra dan Pasca Tahap Kemahiran Komunikasi Murid Kumpulan Rawatan.	53
4.16	Perbandingan Min Pra dan Pasca Tahap Kemahiran Komunikasi Pelajar Kumpulan kawalan.	53
4.17	Perbandingan Min Pra Tahap penglibatan Pelajar Kumpulan Rawatan dan kumpulan kawalan	54
4.18	Perbandingan Min Pasca Tahap penglibatan Pelajar Kumpulan Rawatan dan kumpulan kawalan	55
4.19	Perbandingan Min Pra dan Pasca Tahap Penglibatan Pelajar Kumpulan Rawatan.	55

4.20	Perbandingan Min Pra dan Pasca Tahap Penglibatan Pelajar Kumpulan kawalan.	56
------	---	----



## **SENARAI RAJAH**

<b>Rajah</b>	<b>Muka Surat</b>
2.1 Triniti Pembelajaran Berasaskan Projek	16
2.2 Model Chuseman, Lahiff & Penrose (1988)	23
2.3 Kerangka Kajian Mohd Azli dan Abdul Latif	29
2.4 Kerangka Konsep kajian	29
3.1 Rekabentuk Kajian	32
3.2 Prosedur Modul Program Intervensi	38

## **SENARAI SINGKATAN**

BIE	Buck Institute for Education
KBSM	Kurikulum Bersepada Sekolah Menengah
KHB	Kemahiran Hidup Bersepadu
PBS	Pentaksiran Berasaskan Sekolah
PoBL	Pembelajaran Berasaskan Projek
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
SCANS	Secretary's Commission of Achieving Necessary Skill
UPM	Universiti Putra Malaysia
UPSR	Ujian Penilaian Sekolah Rendah



## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Matlamat utama Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) ialah melahirkan warganegara yang berpengetahuan serta berkemahiran demi menghadapi cabaran kehidupan masa kini dan masa akan datang (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2001). Justeru, pendidikan yang mempunyai sistem penyampaian cekap dan berkesan amat diperlukan dalam usaha membangunkan modal insan yang berinovatif serta memiliki kemahiran abad ke-21 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2006). Sebelum ini, pendidikan hanya bersifat ‘chalk and talk’ sahaja mampu melahirkan murid yang berilmu pengetahuan tetapi kurang dilengkapi dengan kemahiran abad ke-21. Menurut Bell (2010), kemahiran abad ke-21 yang perlu diterapkan dalam pembelajaran meliputi kemahiran komunikasi, kemahiran kerja berpasukan, kemahiran keusahawanan, kepimpinan dan penglibatan murid. Maka, murid sepatutnya mendapat pendedahan lebih awal di alam persekolahan menengah. Ini kerana, pada peringkat umur ini murid mudah dilentur dan persediaan awal ini penting untuk kelangsungan mereka bagi menghadapi alam pengajian tinggi dan pekerjaan.

Demi merealisasikan matlamat FPK, program Pendidikan Teknik dan Vokasional disusun atur dengan adanya mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB) supaya selaras dengan permintaan masyarakat dan pertumbuhan ekonomi semasa. Melalui mata pelajaran ini, murid-murid diharap dapat menggarap pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan di peringkat awal persekolahan lagi (Pusat Perkembangan Kurikulum, 1990). Oleh itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memainkan peranan penting memastikan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) sentiasa dipantau dan disemak semula bagi memastikan kandungannya relevan dan memenuhi objektif pembangunan modal insan negara.

Rentetan itu, KPM memperkenalkan kaedah alternatif iaitu Pembelajaran Berasaskan Projek (PoBL) bagi membantu para guru dalam pengajaran dan pembelajaran. Menerusi buku panduan *Project-based Learning*, dibuktikan PoBL mampu mengintegrasikan pengetahuan, kemahiran komunikasi dan penglibatan murid dalam pembelajaran (KPM, 2006). Banyak kajian telah membuktikan pendekatan ini memberi impak positif terhadap pencapaian akademik dan peningkatan kemahiran abad ke-21 (Gultekin, 2005; Hernandez-Ramos & Paz, 2009; Kaldi, Filippatou & Govaris, 2011; Vicheanpant & Ruenglertpanyakul, 2012). Selain itu, kajian oleh Lam, Cheng, dan Choy (2010) juga menyatakan banyak negara telah mengamalkan pendekatan ini dari peringkat prasekolah sehingga ke peringkat pengajian tinggi sebagai alternatif kepada pembelajaran secara tradisional.

Wurdinger (2011) mendefinisikan PoBL sebagai satu pedagogi konstruktivist yang bertujuan untuk memberi pemahaman secara mendalam dengan membenarkan murid-murid menghubung kait sesuatu isu dengan kehidupan seharian. Selain itu, Thomas

(2000) juga menjelaskan bahawa pendekatan ini melibatkan murid secara aktif dengan memberi kuasa autonomi kepada murid untuk menimba ilmu pengetahuan sepanjang proses pembelajaran. Murid-murid akan mengurus proses pembelajaran secara kolaboratif, berkomunikasi, bekerjasama dan saling memantau berdasarkan tempoh masa yang diberi. Pada akhir proses pembelajaran, murid-murid akan menghasilkan satu projek yang melambangkan hasil pembelajaran mereka (Bell, 2010).

Pendekatan PoBL dapat dilaksanakan melalui topik Reka Bentuk dan Penghasilan Projek Kayu tingkatan satu mata pelajaran KHB yang bersifat *hands on*. Murid-murid perlu mereka bentuk, menyelesaikan masalah, menganalisis dan membuat justifikasi bermula dengan aktiviti memilih, mereka bentuk produk dan menghasilkan produk tersebut berdasarkan masalah yang dihadapi. Selain itu, pendekatan ini boleh digunakan sebagai pelengkap kepada pengajaran secara tradisional dalam proses pembelajaran untuk melatih kemahiran abad ke-21. Oleh itu, satu kajian dijalankan dalam konteks pengajaran dan pembelajaran di sekolah menengah untuk mengenal pasti keberkesanannya pendekatan PoBL terhadap prestasi mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu, kemahiran komunikasi dan penglibatan murid tingkatan 1.

## 1.2 Latar Belakang

Matlamat FPK (2001) adalah untuk memastikan pendidikan bukan sahaja untuk murid dapat mengingati, memahami dan menguasai ilmu pengetahuan, tetapi juga mampu mengaplikasikannya dalam kehidupan sehari-hari secara menyeluruh. Baharom (2010) menyatakan bahawa pendidikan melibatkan komunikasi dan interaksi antara individu sepanjang proses pembelajaran. Hal ini dikatakan demikian kerana proses pembinaan pengetahuan seharusnya melibatkan aspek sosial, yang mana murid-murid perlu berinteraksi dan bertukar-tukar pendapat sesama sendiri dan juga dengan para guru tentang perkara yang sedang dipelajari.

Ahli psikologi, Jean Piaget (1969) menyatakan bahawa pembelajaran merupakan proses yang dinamik dan bersosial, iaitu dapat mengutarakan idea-idea berbeza yang difikirkan oleh individu yang berlainan perlu dikumpulkan dan dibandingkan supaya dapat membina pengetahuan yang kukuh asasnya. Justeru, Program Pendidikan Teknik dan Vokasional disusun atur supaya selaras dengan Falsafah Pendidikan kebangsaan untuk melahirkan sumber tenaga pekerja yang berkompiten serta memiliki kemahiran abad ke-21. Kementerian Pendidikan Malaysia juga telah memperkenalkan mata pelajaran KHB sebagai mata pelajaran pra-vokasional bidang Teknik dan Vokasional di sekolah menengah. Matlamatnya adalah untuk melengkapkan murid dengan kemahiran asas secara teori (*minds on*) dan juga praktikal (*hands on*) yang diperlukan (Meriam, 2007; Puteh, 2010; Yusoff, 2007, Pusat Perkembangan Kurikulum, 2001).

Abdul Rahman Azizi (2000) menjelaskan bahawa kebolehan berkomunikasi menjamin kejayaan seseorang individu. Selain itu, kemahiran komunikasi amat penting dalam kehidupan sehari-hari kita. Hal ini disebabkan setiap individu berkomunikasi untuk menyampaikan idea, berkongsi pendapat dan berinteraksi dengan masyarakat. Kemahiran komunikasi perlu dikuasai oleh murid bukan sahaja untuk berkomunikasi antara satu sama lain tetapi juga untuk menyatakan pendapat mereka secara berkesan

serta meningkatkan penglibatan diri mereka (Md Piah, 2008) sepanjang proses pembelajaran.

Sebaliknya, proses pengajaran dan pembelajaran tidak dapat dilaksanakan dengan berkesan tanpa komunikasi yang berkesan. Aspek kemahiran komunikasi seperti menjadi pendengar efektif, menghargai pendapat dan usaha orang lain, berkomunikasi dengan baik, bersedia menerima kritikan membina semasa bekerja dalam kumpulan dan semasa pembentangan perlu turut diterapkan semasa pengajaran dan pembelajaran (KPM, 2001). Esah (2004) menyatakan bahawa pembelajaran tradisional menyebabkan komunikasi sehala sahaja berlaku dalam kelas kerana murid hanya mendengar dan menerima ilmu pengetahuan yang disampaikan oleh guru. Implikasinya, sekiranya keadaan pembelajaran tidak membina interaksi sosial secara berterusan, institusi persekolahan tidak dapat melahirkan murid berketrampilan yang memiliki kemahiran komunikasi berkesan.

Kementerian Pendidikan Malaysia (2006) juga menyatakan pendekatan tradisional yang berkonsep *chalk and talk* kurang berkesan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Situasi ini telah ditegaskan sejak awal lagi dengan kenyataan Briggs dan Telfer (1987), corak penyampaian sebegini tidak menyediakan peluang kepada murid untuk melibatkan diri secara aktif sepanjang proses pembelajaran. Hal ini berlandaskan hujahan Dewey (1938) yang menyatakan murid berjaya merupakan murid yang melibatkan diri secara aktif dalam proses pembelajaran. Wurdinger (2009) juga menyarankan bahawa murid sepatutnya diberi peluang sama rata untuk mengaplikasi ilmu pengetahuan secara *hands-on* dalam kehidupan sehari-hari.

Jika ditinjau dalam pembelajaran secara tradisional, murid-murid mengikuti aktiviti bersistematis yang disusun atur oleh guru iaitu latihan berulang, ganjaran dan hukuman untuk mempelajari kemahiran asas. Pembelajaran sebegini mengurangkan peluang murid untuk terlibat secara aktif dalam pembelajaran dan secara tidak langsung menyebabkan kemahiran dan pemikiran murid tidak dapat dikembangkan dengan sepenuhnya (Esah, 2004). Aktiviti berulang juga kurang membantu murid mengembangkan idea dan berfikir dengan lebih mendalam kerana mereka hanya menghafal fakta-fakta penting untuk menduduki peperiksaan.

Lantaran itu, pendekatan lain harus digunakan sebagai pelengkap untuk memurnikan sistem pendidikan. Blumenfeld et al. (1991) telah menyarankan bahawa penggunaan PoBL sebagai pendekatan luwes kepada pendekatan tradisional. Hal ini kerana PoBL ialah pembelajaran berpusatkan murid yang memerlukan murid terlibat dengan aktif dalam proses menimba ilmu pengetahuan baharu serta dapat membangunkan kemahiran abad ke-21 yang diperlukan dalam alam pekerjaan. Selain itu, Wurdinger (2011) juga menyokong pendekatan ini melibatkan pembelajaran koperatif, penglibatan aktif dan interaksi antara murid dan dapat menawarkan pelbagai tanggungjawab untuk membangunkan kemahiran teknikal dan kemahiran kontekstual.

Dewey (1938) yang memperkenalkan pembelajaran berpusatkan murid menekankan pembinaan ilmu pengetahuan baharu melalui interaksi dan pengalaman sedia ada.

Usaha beliau diteruskan oleh William Heard Kilpatrick dalam jurnal bertajuk *The Project Method* (Knoll, 1997). Beliau menyarankan murid-murid perlu diberi peluang untuk membina ilmu dengan melaksanakan projek berdasarkan minat dan kepelbagaiannya individu (Solomon, 2003; Blumenfeld et al., 1999). Di samping itu, Bell (2010) pula menyatakan bahawa pendekatan PoBL memberi peluang kepada murid untuk membangunkan kemahiran komunikasi dan penglibatan murid sepanjang proses pembelajaran.

Berdasarkan *Project Based Learning Handbook* (KPM, 2006), PoBL merupakan aktiviti pembelajaran berdasarkan aktiviti projek yang beralih daripada amalan biasa dalam kelas. Namun, secara terperincinya, *Buck Institute of Education* (2012) mendefinisikan PoBL sebagai pendekatan pengajaran sistematis yang melibatkan murid dalam menimba ilmu pengetahuan dan kemahiran melalui proses inkuiiri berstruktur berdasarkan soalan bimbingan yang dikemukakan oleh guru. Blumenfeld et al., (1991) memantapkan definisi PoBL dengan menjelaskan bahawa PoBL merupakan projek yang dilakukan secara berkoperatif antara murid melalui kombinasi siasatan topik tertentu dan mempersempahkan hasil pembelajaran di hadapan penonton awam. Interaksi antara murid berlaku seperti dalam aktiviti mencari sumber maklumat, memberi pandangan, membaiki produk untuk mencapai objektif pembelajaran yang ditetapkan.

Oleh itu, banyak kajian lepas menunjukkan bahawa pendekatan PoBL lebih baik berbanding dengan pembelajaran secara tradisional kerana dapat diaplifikasi dalam pelbagai gaya pembelajaran dan murid berlainan pencapaian (Bell, 2010; Blumenfeld et al., 1991; Frank et al., 2009; Thomas, 2000). Selain itu, keberkesanannya pendekatan PoBL juga dibuktikan dalam aspek prestasi mata pelajaran murid (Bas, 2011; Gultekin, 2005; Kaldi & Filippatou, 2010), tahap penglibatan murid (Hernandez & La Paz, 2009) dan kemahiran komunikasi (Anderson, 2007; Faridah Musa, Norlaila Mufti, Rozmel Abdul Latiff & Maryam Mohamed Amin, 2010; Wurdinger & Enloe, 2011).

Kesimpulannya, pendidikan harus berpusatkan murid supaya murid secara aktif membina ilmu pengetahuan baharu berdasarkan pengetahuan sedia ada seperti yang disarankan oleh falsafah Dewey (1938). PoBL menyokong teori pembelajaran konstruktivisme yang menyarankan murid menimba ilmu pengetahuan baharu secara efektif dan kreatif, menggalakkan interaksi dengan rakan sebaya, guru dan pakar dalam persekitaran pembelajaran. Namun realitinya, penyampaian ilmu pengetahuan di dalam kelas masih bergantung pada pembelajaran secara tradisional kerana ia sangat berkesan dalam membekalkan murid-murid ilmu pengetahuan yang banyak dalam masa yang singkat. Memandangkan kaedah pembelajaran tradisional masih diguna pakai secara meluas oleh para guru, maka adalah perlu bagi pengkaji untuk membandingkan keberkesanannya kaedah pembelajaran tradisional dengan pendekatan PoBL terhadap prestasi mata pelajaran KHB, kemahiran komunikasi dan penglibatan murid tingkatan satu. Seterusnya dapat memberi satu gambaran jelas kepada semua pihak yang berkepentingan kepada kepentingan pembelajaran PoBL dalam sistem pendidikan sekolah menengah.

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Kementerian Pelajaran Malaysia telah memperkenalkan mata pelajaran KHB dari peringkat pendidikan rendah sehingga peringkat sekolah menengah berlandaskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (Pusat Pembangunan Kurikulum, 2001). Mata pelajaran ini merupakan mata pelajaran pravokasional yang bertujuan untuk melengkapkan murid-murid dengan kemahiran-kemahiran asas secara teori (*minds on*) dan juga praktikal (*hands on*) yang diperlukan (Meriam, 2007; Puteh, 2010; Yusoff, 2007; Pusat Pembangunan Kurikulum, 2001) agar dapat mengendalikan kehidupan secara produktif dan menjadi sumber tenaga pekerja mahir dalam dunia teknologi yang sentiasa berubah.

Akan tetapi, statistik keputusan PMR negeri Selangor pada tahun 2010 dan tahun 2011 menunjukkan bahawa murid yang mendapat gred E adalah sebanyak 6154 orang dan 5316 orang. Secara tidak langsung, data ini memberi gambaran bahawa masih wujud kekurangan dalam kaedah pembelajaran secara tradisional dalam keberkesanan penyampaian ilmu pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan oleh murid-murid. Kajian Kose (2010) telah memantapkan realiti ini dengan menyatakan bahawa murid-murid tidak dapat mengaplikasi ilmu pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari dalam kehidupan sebenar melalui pembelajaran secara tradisional yang menekankan cara hafalan. Dapatan ini turut disokong oleh Frank et al. (2003) yang menyatakan bahawa pembelajaran secara tradisional tidak membantu murid-murid mengaplikasi ilmu pengetahuan baharu dalam kehidupan sebenar dan tidak mampu meningkatkan pemahaman ilmu pengetahuan baharu melalui interaksi antara murid-murid.

Pada masa yang sama, kajian Moylan (2008) menyatakan bahawa terdapat jurang antara keberkesanan sistem pendidikan dan keperluan alam pekerjaan abad ke-21. Murid-murid tidak dilatih kemahiran-kemahiran penting yang diperlukan untuk menjak kaki ke alam pekerjaan seperti kemahiran komunikasi, kemahiran kepimpinan dan penglibatan murid. Ini adalah kerana pembelajaran secara tradisional yang berpusatkan guru menyebabkan komunikasi satu hala sahaja berlaku di dalam kelas. Murid-murid hanya mendengar dan menerima ilmu pengetahuan yang disampaikan oleh guru (Baharom, 2010; Esah, 2004). Murid juga dikatakan hanya mengikuti aktiviti bersistematis yang disusun atur oleh guru iaitu aktiviti latihan berulang, ganjaran dan hukuman untuk mempelajari ilmu pengetahuan baharu. Hasilnya, pembelajaran secara tradisional hanya mampu melahirkan segolongan murid yang pasif dan bersifat tidak permisif.

Kajian Siti Kartom Kamarudin, Siti Rozaimah Sheikh Abdullah, Norhisham Tan Kofli, Norliza Abdul Rahman, Siti Masrinda Tasirin, Jamaliah Jahim dan Rakmi Abdul Rahman (2011) menunjukkan hubungan yang signifikan antara kemahiran komunikasi dengan ilmu pengetahuan murid yang boleh diukur dengan prestasi mata pelajaran. Hal ini disebabkan murid-murid yang mahir dalam kemahiran komunikasi mampu mengeluarkan idea dan pendapat semasa perbincangan dan membentangkan hasil kajian dengan baik semasa pembentangan. Secara tidak langsung, murid-murid lebih memahami dan menghayati ilmu pengetahuan yang dipelajari untuk mengaplikasinya dalam kehidupan seharian dan menghadapi peperiksaan.

Kajian Zyngier (2007) pula menyatakan proses pembelajaran seharusnya melibatkan murid secara aktif seperti yang disarankan oleh pendekatan PoBL. Pendapat ini disokong oleh Ravitz (2010) yang menyatakan bahawa pendekatan PoBL merupakan pembelajaran berpusatkan murid yang dapat meningkatkan penglibatan murid. Walaupun pembelajaran secara tradisional dapat menyampaikan ilmu pengetahuan kepada murid dalam jumlah yang ramai tetapi aspek kemahiran komunikasi dan penglibatan murid adalah terhad (Wurdinger, 2007). Sebaliknya, pendekatan PoBL dilihat membenarkan murid membina pengetahuan dan kemahiran abad ke-21 serentak di sepanjang proses pembelajaran (Frank et al., 2003; KPM, 2006). Maka, secara perbandingan, pendekatan PoBL terbukti lebih pragmatik daripada pembelajaran secara tradisional dalam proses pembelajaran. Jadi, pengkaji berpendapat bahawa adalah perlu untuk menjalankan kajian ini terutamanya mengupas tentang keberkesanannya pendekatan PoBL ke atas prestasi mata pelajaran KHB, kemahiran komunikasi dan penglibatan murid tingkatan 1.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Objektif umum kajian adalah mengkaji keberkesanannya pendekatan PoBL dan tradisional terhadap prestasi mata pelajaran KHB, kemahiran komunikasi dan penglibatan murid tingkatan 1. Manakala objektif khusus kajian adalah seperti berikut:

1. Mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan yang signifikan antara kumpulan rawatan (pembelajaran berasaskan projek) dengan kumpulan kawalan (pembelajaran secara tradisional) dalam ujian pra dan ujian pasca terhadap prestasi mata pelajaran KHB.
2. Mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan yang signifikan antara kumpulan rawatan (pembelajaran berasaskan projek) dengan kumpulan kawalan (pembelajaran secara tradisional) dalam ujian pra dan ujian pasca terhadap kemahiran komunikasi.
3. Mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan yang signifikan antara kumpulan rawatan (pembelajaran berasaskan projek) dengan kumpulan kawalan (pembelajaran secara tradisional) dalam ujian pra dan ujian pasca terhadap penglibatan murid.

#### **1.5 Persoalan Kajian**

Berdasarkan objektif kajian ini, persoalan kajian dan hipotesis kajian adalah seperti berikut:

1. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara prestasi mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu kumpulan rawatan dalam ujian pra dengan prestasi mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu kumpulan kawalan dalam ujian pra?  
**H<sub>01</sub>:** Tiada perbezaan yang signifikan antara prestasi mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu kumpulan rawatan dalam ujian pra dengan prestasi mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu kumpulan kawalan dalam ujian pra.
2. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara prestasi mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu kumpulan rawatan dalam ujian pasca dengan

prestasi mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu kumpulan kawalan dalam ujian pasca?

**H<sub>02</sub>:** Tiada perbezaan yang signifikan antara prestasi mata pelajaran kemahiran Hidup Bersepadu kumpulan rawatan dalam ujian pasca dengan prestasi mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu kumpulan kawalan dalam ujian pasca.

3. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara prestasi mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu kumpulan rawatan dalam ujian pra dengan prestasi mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu kumpulan rawatan dalam ujian pasca?

**H<sub>03</sub>:** Tiada perbezaan yang signifikan antara prestasi mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu kumpulan rawatan dalam ujian pra dengan prestasi mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu kumpulan rawatan dalam ujian pasca.

4. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara prestasi mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu kumpulan kawalan dalam ujian pra dengan prestasi mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu kumpulan kawalan dalam ujian pasca?

**H<sub>04</sub>:** Tiada perbezaan yang signifikan antara prestasi mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu kumpulan kawalan dalam ujian pra dengan prestasi mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu kumpulan kawalan dalam ujian pasca.

5. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara kemahiran komunikasi kumpulan rawatan dalam ujian pra dengan kemahiran komunikasi kumpulan kawalan dalam ujian pra?

**H<sub>05</sub>:** Tiada perbezaan yang signifikan antara kemahiran komunikasi kumpulan rawatan dalam ujian pra dengan kemahiran komunikasi kumpulan kawalan dalam ujian pra.

6. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara kemahiran komunikasi kumpulan rawatan dalam ujian pasca dengan kemahiran komunikasi kumpulan kawalan dalam ujian pasca?

**H<sub>06</sub>:** Tiada perbezaan yang signifikan antara kemahiran komunikasi kumpulan rawatan dalam ujian pasca dengan kemahiran komunikasi kumpulan kawalan dalam ujian pasca.

7. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara kemahiran komunikasi dalam ujian pra dengan kemahiran komunikasi kumpulan rawatan dalam ujian pasca?

**H<sub>07</sub>:** Tiada perbezaan yang signifikan antara kemahiran komunikasi dalam ujian pra dengan kemahiran komunikasi kumpulan rawatan dalam ujian pasca.

8. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara kemahiran komunikasi dalam ujian pra dengan kemahiran komunikasi kumpulan kawalan dalam ujian pasca?

**H<sub>08</sub>:** Tiada perbezaan yang signifikan antara kemahiran komunikasi dalam ujian pra dengan kemahiran komunikasi kumpulan kawalan dalam ujian pasca.

9. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara penglibatan murid kumpulan rawatan dalam ujian pra dengan penglibatan murid kumpulan kawalan dalam ujian pra?

**H<sub>09</sub>:** Tiada perbezaan yang signifikan antara penglibatan murid kumpulan rawatan dalam ujian pra dengan penglibatan murid kumpulan kawalan dalam ujian pra.

10. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara penglibatan murid kumpulan rawatan dalam ujian pasca dengan penglibatan murid kumpulan kawalan dalam ujian pasca?  
**H<sub>10</sub>:** Tiada perbezaan yang signifikan antara penglibatan murid kumpulan rawatan dalam ujian pasca dengan penglibatan murid kumpulan kawalan dalam ujian pasca?
11. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara penglibatan murid dalam ujian pra dengan penglibatan murid kumpulan rawatan dalam ujian pasca?  
**H<sub>11</sub>:** Tiada perbezaan yang signifikan antara penglibatan murid dalam ujian pra dengan penglibatan murid kumpulan rawatan dalam ujian pasca.
12. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara penglibatan murid dalam ujian pra dengan penglibatan murid kumpulan kawalan dalam pasca?  
**H<sub>12</sub>:** Tiada perbezaan yang signifikan antara penglibatan murid dalam ujian pra dengan penglibatan murid kumpulan kawalan dalam ujian pasca.

## 1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini sangat signifikan untuk dijalankan kerana pendekatan PoBL merupakan satu pendekatan yang baru diamalkan dalam sistem pendidikan Malaysia (KPM, 2006). Pendekatan PoBL dapat membangunkan kemahiran abad ke-21 yang amat diperlukan oleh individu untuk menghadapi cabaran pada alaf ini (Bell, 2010). Maka, hasil dapatan kajian ini dapat meningkatkan ilmu pengetahuan guru-guru mata pelajaran KHB berkenaan dengan pendekatan PoBL terhadap prestasi mata pelajaran, kemahiran komunikasi dan penglibatan murid.

Selain itu, modul program intervensi bercirikan PoBL mampu memberi gambaran yang jelas dan terperinci tentang pendekatan PoBL. Ini termasuk perancangan modul program dan pelaksanaan pendekatan PoBL dalam mata pelajaran KHB di sekolah menengah. Modul program intervensi diharapkan dapat memberi garis panduan kepada guru yang berminat untuk merancang modul PoBL dan melaksanakan pendekatan PoBL. Seterusnya, hasil dapatan dapat dijadikan sebagai sumber rujukan untuk penilaian holistik yang berlaku sepanjang proses pembelajaran. Guru yang berminat boleh merujuk kriteria-kriteria penilaian yang ditetapkan berdasarkan modul program intervensi PoBL untuk meningkatkan keberkesanannya dalam pembelajaran dalam kelas.

Di samping itu, kajian ini juga boleh dijadikan sumber maklum balas yang sangat berguna kepada guru-guru mata pelajaran KHB tentang kesediaan murid terhadap pendekatan PoBL yang masih baharu dalam sistem pendidikan Malaysia. Pada masa yang sama, implikasi dapatan ini dapat dijadikan sebagai sumber rujukan bahawa PoBL sebagai alternatif kepada pembelajaran secara tradisional. Harapannya, kajian seterusnya tentang pendekatan PoBL ini dapat membaiaki kelemahan serta mengisi kelopongan kajian-kajian sebelumnya dengan hasil kajian yang lebih mantap.

## **1.7 Limitasi Kajian**

Kajian ini tertakluk kepada batasan berikut disebabkan oleh faktor masa dan kewangan:

- i. Kajian ini hanya mengukur keberkesanannya pendekatan PoBL terhadap prestasi mata pelajaran KHB, kemahiran komunikasi dan penglibatan murid sahaja. Dapatkan kajian tidak dapat digeneralisasikan untuk pemboleh ubah lain selain pemboleh ubah dalam kajian ini.
- ii. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang menggunakan soal selidik dan soalan ujian sahaja. Pengumpulan data secara soal selidik bergantung pada kesesuaian masa dan kebenaran yang diberi oleh pihak sekolah.
